

Asnaf Care: Satu Strategi Dana Tambahan Lembaga Zakat Negeri Kedah (Lznk) Ketika Pandemik Covid 19

Asnaf Care: An Additional Fund Strategy Of Lembaga Zakat Negeri Kedah (Lznk) During Covid 19 Pandemic

Mohamad Khadafi Hj. Rofie¹, Norazita Marina Abdul Aziz², Syahrina bt. Abdullah³

¹ Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun & Falsafah (SLCP), Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah;

² Pusat Pengajian Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA), Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah;

³ Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun & Falsafah (SLCP), Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah;

Progres Artikel

Diterima: 29 September 2022

Disemak: 17 November 2022

Diterbit: 30 November 2022

**Perhubungan Penulis:*

Mohamad Khadafi Hj. Rofie,
Pusat Pengajian Bahasa,
Tamadun & Falsafah (SLCP),
Universiti Utara Malaysia
(UUM), Sintok, Kedah;
Email: khadafi@uum.edu.my

Abstrak: Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) telah memainkan peranan yang efektif dan efisien dalam memberikan bantuan kepada asnaf terutama ketika pandemik COVID 19. Asnaf Care merupakan satu strategi yang digunakan oleh pihak LZNK untuk mengumpul dan mengagihkan sumbangan kepada golongan yang memerlukan. Apabila COVID 19 melanda negara, maka berlaku penambahan dari aspek bantuan tetapi kutipan berada pada kedudukan yang masih berkurangan. Maka, pihak LZNK telah mengambil inisiatif mewujudkan tabung Asnaf Care untuk membantu asnaf ketika COVID 19. Objektif kertas kerja ini untuk melihat sejauh mana dana Asnaf Care memainkan peranan dalam mengumpul dana dan mengagihkan kepada golongan asnaf di negeri Kedah. Bagi mendapatkan data daripada kajian ini, kaedah temu bual dengan pihak LZNK telah dilaksanakan. Temu bual ini dijalankan kepada dua orang pegawai LZNK yang mengurus tabung Asnaf Care ini. Hasil dapatan menunjukkan bahawa pihak LZNK telah berjaya mengutip dana tambahan dan dapat menyalurkan bantuan tambahan kepada golongan asnaf dan ahli masyarakat yang memerlukan ketika pandemik COVID 19. LZNK telah menggunakan strategi kutipan dana secara atas talian kepada golongan asnaf. LZNK telah menggunakan strategi kutipan dana kepada masyarakat awam secara atas talian untuk memberi kemudahan dalam menyampaikan bantuan kepada asnaf. Justeru strategi yang diguna pakai oleh pihak LZNK dalam membantu golongan yang memerlukan ini berpotensi untuk diketengahkan kepada mana-mana institusi yang menjalankan aktiviti bantuan kepada ahli masyarakat yang memerlukan.

Kata kunci: Asnaf Care, Bantuan, Lembaga Zakat Negeri Kedah, Pandemik COVID 19;

Abstract: The Kedah State Zakat Board (LZNK) has been extremely effective and efficient in assisting asnaf, particularly during the COVID 19 pandemic. LZNK's Asnaf Care approach collects and distributes donations to the poor. When COVID 19 hit the country, there was an uptick in aid, but collection was still dropping. As a result, LZNK has taken the initiative to establish an Asnaf Care fund to assist asnaf during COVID 19. The purpose of this study is to determine the extent to which the Asnaf Care Fund collects and distributes funds to the asnaf community in the state of Kedah. An interview method with LZNK was used to collect data for this investigation. The following interview was done with two LZNK personnel in charge of the Asnaf Care fund. The findings suggest that LZNK was successful in raising more funds and channelling them to the asnaf

organisation and members of the community in need during the COVID 19 outbreak. For the asnaf group, LZNK adopted an internet fundraising technique. To expedite the supply of support to asnaf, LZNK has employed an internet fundraising technique for the general public. As a result, the technique employed by LZNK in assisting the poor has the potential to be emphasised to any institution that provides support to members of the community in need.

Keywords: Asnaf care, Assistance, Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK), COVID 19 Pandemic;

Pendahuluan

Pandemik COVID 19 ini telah menyebabkan terjejas teruk dari sudut ekonomi dan pendapatan masyarakat Malaysia terutamanya golongan M40 dan B40. LZNK merupakan satu institusi yang membantu golongan yang menghadapi masalah kewangan dan kesempitan hidup. Oleh itu, institusi yang menguruskan urusan zakat merupakan institusi yang sangat penting dalam komuniti umat Islam. Hal ini demikian kerana institusi tersebut terlibat secara langsung dalam urusan mengumpulkan harta zakat yang dibayar dan seterusnya mengagihkan kepada mereka yang berkecukupan.

Sebelum wabak COVID 19 melanda, Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) telah menjalankan peranannya sebagai pengumpul dan pengagih dana zakat kepada golongan asnaf. Namun, apabila wabak melanda keadaan menjadi sedikit meruncing dengan kekurangan kutipan dana berserta pertambahan golongan asnaf yang memerlukan. Berdasarkan keadaan ini, pihak LZNK telah mengambil satu inisiatif dengan menubuhkan satu jajaran baharu bagi menambah kutipan dana dengan melancarkan tabung “Asnaf Care”.

“Asnaf Care” merupakan satu sistem tabung dana COVID 19 yang dibangunkan oleh LZNK bagi membuka peluang kepada masyarakat untuk sama-sama membantu meringankan golongan yang memerlukan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Secara jelasnya, “*Asnaf Care*” berperanan kepada dua fungsi utama iaitu mengutip dan mengagihkan zakat. Peranan ini akan dilakukan di peringkat kerajaan melalui pegawai zakat yang diberi kuasa dan perlu memenuhi fungsi-fungsi yang telah dinyatakan di atas. Berdasarkan perbincangan ini, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti peranan dan pelaksanaan yang digunakan oleh LZNK melalui program “*Asnaf Care*” bagi membantu golongan asnaf yang terjejas ketika pandemik COVID 19.

Ulasan Karya

Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK)

Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) berperanan penting dalam membangunkan ekonomi dan ekosistem golongan asnaf dan miskin. LZNK telah memiliki ciri-ciri profesionalisme, transparensi dan akauntabiliti dalam mengurus wang kutipan zakat dengan efisien dan cekap agar golongan yang layak menerima tidak terpinggir dari bantuan. LZNK telah melaksanakan pelbagai kaedah dan pendekatan dalam memainkan peranan membantu golongan fakir miskin serta asnaf untuk meningkatkan taraf kehidupan mereka sama ada dari aspek keperluan harian, sosial dan ekonomi. LZNK adalah sebuah institusi zakat yang bertanggungjawab melaksanakan fungsinya iaitu membuat kutipan dan agihan zakat di negeri Kedah (www.zakatkedah.com.my). Antara objektif penubuhan LZNK adalah memperkasakan urusan tadbir Lembaga Zakat Negeri Kedah; mengoptimalkan kutipan zakat; membangunkan sosioekonomi masyarakat, dan meningkatkan kesedaran masyarakat berkenaan zakat.

Ketika pandemik COVID 19 melanda awal tahun 2020, LZNK berperanan melaksanakan dasar-dasarnya yang terdiri dari tanggungjawab mengumpul dan mengagihkan dana kepada golongan yang memerlukan seperti asnaf, fakir dan miskin. Ketika pandemik COVID 19, pihak LZNK mendapati terdapat golongan miskin yang baharu. Oleh yang demikian, situasi yang terjadi ini mengakibatkan kehilangan pekerjaan dan sumber pendapatan ketika pandemik COVID 19 melanda. Golongan ini juga memerlukan bantuan dari pihak LZNK.

Dalam melaksanakan tugasnya, LZNK harus mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) mengikut peraturan dan pekeliling yang dihebahkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Selaku pelaksana dasar, satu SOP yang jelas, teratur dan sistematik wajar dipatuhi oleh semua pegawai LZNK bagi memastikan pematuhan kepada setiap peraturan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan. Justeru,

peranan LZNK dalam memberi bantuan kepada asnaf, fakir dan miskin dapat dilaksanakan dengan efisien.

Golongan asnaf dan fakir adalah individu yang layak menerima zakat kerana pendapatan bulanan mereka tidak sampai separuh dari jumlah keperluan mereka. Manakala golongan miskin adalah golongan yang mempunyai pendapatan melebihi separuh namun masih tidak mencukupi untuk menampung keperluan diri dan keluarga (Zakat Kedah, 2019). Oleh hal yang demikian, institusi zakat setiap negeri bertanggungjawab bagi memastikan golongan ini mendapat bantuan yang sewajarnya selaras dengan peranan dan matlamat institusi zakat dalam mengagihkan kutipan zakat secara telus dan berkesan.

Analisis ini akan menumpukan kepada peranan LZNK dalam menangani isu kemiskinan dan kelaparan dalam kalangan fakir, asnaf dan miskin di negeri Kedah ketika COVID 19 kerana ianya bertepatan dengan polisi kerajaan dalam Perancangan Strategik Rancangan Malaysia ke-11 iaitu *Sustainability Development Goals* (SDG) 2016-2020 yang bermatlamatkan sifar (0%) kemiskinan dan tiada masalah kelaparan dalam kalangan rakyat. SDG juga merupakan satu pelan dunia yang dirancang oleh *United Nation* (Economic Planning Unit, 2017).

Ketika pandemik COVID 19, peranan LZNK selaku institusi agama yang memberi bantuan kepada golongan fakir, asnaf dan miskin. Dari aspek dasar, secara umumnya LZNK mengguna dan mematuhi dasar yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Pertahanan Malaysia (KPM) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Aktiviti LZNK Ketika Pandemik COVID 19

Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) memainkan peranan dalam melaksanakan pelbagai aktiviti ketika pandemik COVID 19 melalui kaedah yang dirancang khusus ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan. Antara kaedah yang diguna pakai oleh LZNK dalam melaksanakan dasar ketika pandemik menerusi kaedah secara atas talian yang merupakan kaedah paling penting telah dilaksanakan ketika pandemik. Ini kerana kaedah biasa iaitu secara bersemuka tidak lagi sesuai dilaksanakan ketika PKP yang bermula awal Mac 2020. Ketika itu perkara pertama yang perlu difikirkan oleh LZNK ialah kaedah yang paling efisien dan paling cekap perlu diambil dalam membuat kutipan dana bagi menampung dana sedia ada yang tidak mencukupi. Hal ini kerana ketika pandemik COVID 19, bilangan asnaf, fakir dan miskin yang memerlukan bantuan bertambah berbanding tahun sebelumnya. Sudah pasti apabila bilangan asnaf, fakir

dan miskin bertambah maka dana yang diperlukan juga bertambah. Ianya bertepatan dengan jawapan pegawai LZNK seperti berikut:

“Pada ketika itulah kita berbincang, bagaimana kita nak wujudkan atau kita memperluaskan kaedah pembayaran zakat ni menerusi *online*.” - (Pegawai LZNK 3)

Dalam melaksanakan dasar ini juga, LZNK telah membangunkan laman sesawang AsnafCare.com.my. Melalui *Asnaf Care* dan laman sesawang ini juga, LZNK telah menggunakan kaedah kutipan secara *online* kerana kutipan atas talian merupakan mekanisme yang paling cepat, pantas dan berkesan untuk mengutip dana yang mana kapasiti penderma juga telah diperluaskan ke seluruh Malaysia. Ini bermaksud, para penyumbang boleh menyalurkan bantuan dana melalui sesawang *Asnaf Care* atau secara pindahan secara *online*. Para penyumbang bagi dana ini meliputi syarikat korporat, bank yang beroperasi di Malaysia, organisasi bukan kerajaan (NGO) serta individu-individu dari seluruh Malaysia. Syarikat korporat yang menyumbang ini telah memperuntukkan dana CSR mereka kepada pihak LZNK melalui AsnafCare.com.my. Laman sesawang ini juga berhubung terus dengan laman web Lembaga Zakat Negeri Kedah untuk memudahkan maklumat dicapai. Perkara ini boleh dilihat melalui kenyataan pegawai LZNK seperti berikut:

“Pada ketika itulah asnaf bertambah, wujud asnaf-asnaf baru yang hilang pekerjaan jadi kat situ kalau Puan Syahrina boleh buka dalam ‘asnafcare.com.my’, kita boleh tengoklah bantuan apa yang ada.” - (Pegawai LZNK 3)

Salah satu peranan pihak LZNK ialah mengagihkan dana kepada asnaf, fakir dan miskin. Oleh yang demikian, pihak LZNK melaksanakan agihan ini melalui kaedah rundingan terus dengan pihak yang terbabit. Kaedah rundingan terus ini juga diberi nama Program Insaniah iaitu satu program pengagihan bantuan dalam bentuk pek yang terdiri dari makanan asas seperti beras, kicap dan gula. Kaedah ini bertepatan dengan kenyataan pegawai LZNK ketika proses temu bual iaitu:

“...kita buat kaedah rundingan terus. Dari segi food bank yang kita buat, jalankan di setiap daerah-daerah merangkumi setiap bulan lebih kurang 3 juta, kita keluarkan. Jadi pada ketika tu, kita dah ramai, so kalau untuk makluman Dr. dan Puan lah, kita wujudkan Program Insaniah satu pusat untuk pengagihan barang-barang dalam bentuk pek lah. Beras, 8 item tak silap, kicap, makanan-makanan asas tu. So, itulah, kita

gunakan kaedah rundingan terus.” - (Pegawai LZNK 3)

Dalam menguruskan dana, satu kaedah pengagihan ‘perbelanjaan darurat’ juga telah diwujudkan dan perlu mendapat kelulusan di peringkat pengurusan tertinggi (*Board of Directors*). Justeru, pelaksanaan dasar perbelanjaan darurat telah mendapat kelulusan peringkat tertinggi. Hal ini seperti yang dimaklumkan oleh informan seperti berikut:

“Pastu, perbelanjaan darurat pada ketika itu, semua diluluskan pada peringkat board. Bila mana kita berlaku ini. *Board* berunding dan meluluskan kelulusan dalam bentuk buku darurat lah.” - (Pegawai LZNK 3)

Terdapat juga kaedah pengagihan bantuan dilaksanakan dalam bentuk barangan atau produk, baucar dan terdapat juga bantuan dari segi infak telefon pintar serta alat bantuan pembelajaran ketika pandemik. Biasanya produk ini diperoleh dari peruntukan LZNK dan Syarikat korporat melalui dana CSR syarikat tersebut. Ianya seperti yang dinyatakan oleh pegawai zakat seperti berikut:

“Kalau ikutkan kepada asnaf care yang kita buat ni, kita buat lebih kepada produk. Cuma saya tengok satu ni, ada satu produk baru, lepas PKP 1.0 tu kita mewujudkan infaq telefon pintar. Tapi kalau ikutkan sumbangan dari Lembaga Zakat ni, telefon pintar pastu alat pembelajaran. Tapi ni dalam konsep Asnaf Care orang boleh menyumbang. Wujudnya Asnaf Care, bermakna ada dari syarikat-syarikat lain, selain Lembaga Zakat sendiri. Peruntukkan CSR banyak. Depa menyumbangkan dana CSR tu kepada Asnaf Care. Asnaf Care ni lebih kepada kita tengok pasaran kehidupan dan support kehidupan.” - (Pegawai LZNK 3)

Kaedah seterusnya ialah melalui agensi Kementerian Kesihatan Malaysia dan unit Kebajikan Hospital Sultanah Bahiyah serta Hospital Kulim, LZNK telah memperuntukkan perbelanjaan rawatan hospital melalui program bantuan darurat ini kepada golongan yang memerlukan sebanyak RM760, 000. Selain itu juga, bantuan bekalan makanan tambahan pada PKP fasa pertama sebanyak RM2600 yang bersamaan 80 pek bantuan makanan kepada yang layak. Bantuan lain turut disalurkan oleh LZNK kepada *frontliners* serta sukarelawan yang bertugas terdiri dari pakaian *Personal Protective Equipment (PPE)*, pelitup muka dan bantuan lain yang dianggap sebagai satu keperluan kepada

frontliners. Hal ini bersesuaian dengan kenyataan pegawai LZNK melalui temu bual iaitu:

“Pada ketika itu juga lah, perbelanjaan rawatan hospital dengan jumlah lebih kurang 760 ribu. Perbelanjaan bekalan makanan tambahan fasa pertama, iaitu 1.1 juta. Untuk perbelanjaan pembelian beras, lebih kurang 7.1 juta. Pemberian insentif, 3 juta. Pada ketika itu juga, kita ada buat makanan pack berjumlah RM 2600, 80 pack masa tu. Waktu Covid tu, Lembaga Zakat juga menyumbang pakaian PPE pada ketika itu, boleh dikatakan contoh la 8 ribu lebih. Face mask, juga diluluskan peringkat board untuk kita membantu *frontliners* dan juga barang-barang tersebut.” - (Pegawai LZNK 3)

LZNK juga memberi tajaan pek makanan kepada staf kolej kejururawatan kerana mereka terlibat dalam penyediaan dan jahitan pakaian PPE kepada petugas barisan hadapan. Hal ini bersesuaian dengan kenyataan pegawai LZNK melalui temu bual iaitu:

“....Kemudian, kita bagi tajaan makanan tengah hari kepada dewan kolej kejururawatan. Mereka ni lah yang membantu kita dari segi pakaian PPE tu, dari segi jahitan dan sebagainya.” - (Pegawai LZNK 3)

Sebagai tambahan LZNK juga menggunakan kaedah orang tengah khidmat pengantara masjid seperti penolong amir dalam menyalurkan bantuan pandemik COVID 19 ini. Ianya bertepatan dengan kenyataan berikut:

“Setiap masjid ni ada penolong amir dan penolong amir ni lah yang kita salurkan food bank tersebut dan bantuan-bantuan kita salurkan kepada hospital melalui unit.... unit kebajikan hospital, kita ada Hospital Sultanah Bahiyah, Hospital Kulim pun kita salurkan bantuan.” - (Pegawai LZNK 3)

Antara kaedah lain untuk menyalurkan bantuan dana, pihak LZNK turut mengadakan kerjasama dengan pondok dan pusat tahfiz negeri kerana terdapat pusat tahfiz yang masih berpenghuni dan mereka tidak dibenarkan keluar. Oleh yang demikian, bantuan perlu disalurkan kepada beberapa pusat tahfiz ini demi kelangsungan hidup mereka. Maka pihak LZNK juga memperuntukkan sejumlah peruntukan kepada pusat tahfiz yang terlibat. Selain itu juga golongan yang mendapat bantuan ketika COVID 19 ialah bantuan kepada ibu bapa yang anak-anaknya mereka berada di

luar negara. Ianya seperti yang dinyatakan oleh pegawai LZNK seperti berikut:

“Kemudian kita juga ada kerjasama dengan pondok dan juga tahfiz. Yang ni kita bagi bantuan kepada pondok dan juga tahfiz dan ada juga pondok yang tidak dibenarkan untuk keluar. Dan depa kena stay dan duduk di dalam tu. Wairs-waris pun tak boleh nak mai, jadi kalau makanan depa takdak dan kita bagi bantuan berbentuk makanan dan juga duit kepada pondok dan juga tahfiz.”

“Seterusnya, bantuan kepada anak-anak Kedah di luar negara. Waktu tu pun, mak ayah terputus bekalan makanan atau terputus pendapatan. Jadi kita pun ada bagi bantuan kepada anak-anak Kedah di luar negara. Jadi kita bagi yang ni saja, 750 ribu.” - (Pegawai LZNK 3)

Ringkasnya peranan utama institusi zakat terbahagi kepada dua iaitu mengutip zakat dan mengagihkan zakat. Peranan ini akan dilakukan oleh pegawai zakat dan amil yang diberi kuasa oleh LZNK (Zayas, 2003). Melalui peranan ini, beberapa aktiviti dilaksanakan bagi memenuhi perancangan atau *Key Performance Index* (KPI) yang telah ditetapkan.

LZNK telah menubuhkan satu tabung bantuan kepada golongan yang memerlukan ketika pandemik COVID 19 yang dikenali sebagai “*Asnaf Care*”. “*Asnaf Care*” bertujuan untuk memberi bantuan kepada golongan yang terjejas dari segi pendapatan ketika pandemik COVID 19 sama ada asnaf dan golongan yang memerlukan.

Tabung Dana “*Asnaf Care*”

“*Asnaf Care*” merupakan satu sistem tabung dana COVID 19 yang dibangunkan oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) bagi membuka peluang kepada semua golongan masyarakat sama ada khusus di negeri Kedah dan juga seluruh Malaysia untuk sama-sama membantu meringankan beban asnaf dan juga golongan yang memerlukan akibat terkesan dengan penularan wabak COVID 19 dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) telah melancarkan satu sistem tabungan yang dinamakan sebagai “*Asnaf Care*” supaya masyarakat dapat sama-sama membantu dalam mengagihkan bekalan makanan kepada mereka yang terputus bekalan makanan sempena PKP yang bermula sejak 18 Mac 2020 yang lalu. Hasil daripada laporan melalui rekod kutipan LZNK sehingga 26 Mac 2020 menunjukkan defisit berbanding agihan

sebenar yang telah dilakukan iaitu sebanyak hampir RM 8 juta. Jumlah kutipan yang berjaya dikumpulkan berjumlah RM 31.6 juta manakala agihan yang telah dilaksanakan telah pun mencecah RM 39.4 juta. Namun jumlah ini tidak melemahkan pengurusan kutipan dan agihan LZNK malahan mereka terus mengatur beberapa pelan tindakan bagi memastikan agihan kepada asnaf diteruskan dan tidak akan terhenti.

Oleh itu, bagi memastikan dana zakat mencukupi untuk menjalankan agihan di waktu kritikal sebegini, maka pihak LZNK membuka peluang kepada orang ramai untuk sama-sama menyumbang dan berbakti kepada mereka yang memerlukan melalui “*Asnaf Care*”. Bagi memudahkan proses membuat sumbangan pihak LZNK telah membangunkan sistem secara dalaman oleh kakitangan LZNK dalam tempoh yang singkat. Sistem ini memaparkan item makanan yang ditawarkan oleh pihak LZNK seperti beras, minyak masak dan sardin. Semua pengguna boleh melayari laman web <https://asnafcare.com.my> bagi membuat sumbangan. Pihak LZNK mensasarkan kutipan melalui “*Asnaf Care*” sebanyak kira-kira RM 36 juta yang boleh memberi manfaat kepada kira-kira 700,000 keluarga dalam masa 6 bulan ini yang di ramalkan bakal menghadapi impak ekonomi yang perlahan akibat wabak COVID-19 yang melanda dunia.

Secara jelasnya, “*Asnaf Care*” adalah satu sistem kutipan daripada pihak berkemampuan dan agihan sumbangan kepada pihak yang terjejas akibat pandemik COVID 19. Sumbangan yang ditumpukan ini bukan hanya semata-mata berupa zakat malahan sumbangan yang berbentuk sedekah dan sebagainya. Ini menunjukkan bahawa LZNK telah melangkah setapak ke hadapan dalam memberikan perkhidmatan tambahan kepada ahli masyarakat Muslim khususnya di Kedah dalam merealisasikan slogan LZNK iaitu ‘asnaf disantuni pembayar diberkati’.

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah temu bual untuk mendapatkan maklum balas responden tentang peranan LZNK dalam menangani permasalahan yang dihadapi oleh asnaf dan golongan yang memerlukan bantuan ketika pandemik COVID 19. Kertas kerja ini juga akan menghuraikan aktiviti kutipan dan pengagihan yang dilaksanakan oleh LZNK dalam tempoh Peraturan Kawalan Pergerakan (PKP) di Malaysia khususnya negeri Kedah. Melalui kaedah temu bual yang dilaksanakan ini, seramai dua orang pegawai LZNK yang menjalankan fungsi kutipan dan agihan dana tabung *Asnaf Care* telah ditemu bual secara *online*. Temu bual ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang aktiviti kutipan dan pengagihan dana yang

dilaksanakan ketika pandemik COVID 19. Kaedah kajian yang dilaksanakan juga meliputi kajian dokumen dan menemu bual responden bagi mencapai objektif kajian.

Bagi kajian ini, penyelidik akan mendapatkan maklumat melalui soal selidik semi berstruktur (temu bual separa berstruktur) yang dibina oleh penyelidik yang melibatkan sesi temu bual secara *online* untuk mendapat maklumat yang mendalam tentang peranan LZNK ketika pandemik COVID 19. Set soalan kualitatif adalah berbentuk soalan semi berstruktur dan *open ended* yang menjawab objektif kajian. Kemudian data dan maklumat yang diperolehi akan di transkrip dan kemudian akan di analisa oleh penyelidik (Corbin & Strauss, 2015 ; Patton, 2015).

Analisis Dapatan Kajian

Analisis dapatan menemui peranan yang dilaksanakan oleh LZNK iaitu mengenal pasti golongan asnaf membuat hebahan, promosi dan publisiti aktiviti tabung “*Asnaf Care*” ketika pandemik.

i) Kutipan Dana Asnaf Care

Mesyuarat pengurusan tertinggi (*Board of Directors*) dan mengambil keputusan untuk menubuhkan “*Asnaf Care*” yang berfungsi mengumpul dan mengagih dana kepada pihak yang memerlukan ketika pandemik COVID 19. Ianya bertepatan dengan maklumat dari temu bual oleh pegawai LZNK seperti berikut:

“Kita jalankan meeting board secara online yang diketuai oleh Datuk Paduka Seri Intan. So kat situlah kita boleh bentangkan dari segi bajet-bajet tambahan. Tapi bila berlakunya covid ketika itu, PKP, terus kami peringkat jawatankuasa ini. Kita ada penambahan dari segi bajet, tambahan dari segi bantuan pastu bantuan tu pada ketika itu juga, kita wujudkan Asnaf Care, Asnaf Care sekarang ni masih berjalan dan kutipan kita hampir di Kedah sudah mencecah 700 ratus figure dan pelan daripada Asnaf Care itu juga, merupakan satu peranan kepada Lembaga Zakat Negeri Kedah.” - (Pegawai LZNK 3)

Strategi bagi pengumpulan dana ini telah dibuat melalui laman web asnafcare.com.my di mana semua pihak termasuk individu, badan korporat dan NGO (Badan Bukan Kerajaan) dari seluruh Malaysia untuk sama-sama menyumbang melalui pembayaran *online*. Menurut pegawai LZNK, dalam tempoh PKP 1.0,

jumlah sumbangan yang diterima oleh LZNK mencecah RM 780047.10.

ii) Pengagihan Dana Asnaf Care

Pihak LZNK telah pun mengagihkan tambahan bekalan makanan sebanyak 57,600 kampak beras dan 172,800 tin sardin kepada semua 576 buah masjid di negeri Kedah yang telah menjadi Pusat Bekalan Makanan Fakir dan Miskin Zakat Kedah. Agihan ini adalah tambahan kepada 17,280 set agihan bulanan terhadap bekalan makanan sedia ada. Dijangkakan agihan bekalan makanan untuk fasa pertama ini bakal memberi manfaat kepada 74,880 buah keluarga yang terjejas dan terputus bekalan makanan disebabkan PKP di negeri Kedah (www.zakatkedah.com.my). Hasil temu bual bersama pegawai LZNK turut menyatakan tentang bantuan bekalan makan ‘*food bank*’ seperti berikut:

“...barangan food bank tu, kita boleh terus hantar ke masjid. Contoh la, 100 beg ataupun 200 beg bantuan yang kita hantar ke setiap masjid tu, peringkat awal, kita boleh terus hantar ke masjid”. - (Pegawai LZNK 3)

LZNK juga memainkan peranan dalam membantu pihak Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) dari aspek bantuan bayaran gaji dan elaun imam, bilal, siak dan amil ketika pandemik. Selain itu juga, saudara baru yang memeluk Islam juga mendapat bantuan dari LZNK. Melalui maklumat temu bual dari pegawai LZNK seperti berikut:

“Kemudian juga, selain daripada tu juga, **kalau** kata ikutkan dari Majlis Agama Islam ni, kita bantu gaji-gaji, elaun urutan masjid contohnya imam, yang tu kita bagi dan bilal dan jugak siak, yang tu kita bagi setiap bulan. Kita juga memberi elaun kepada sukarelawan dan penolong amil”. - (Pegawai LZNK 3)

Selain itu juga, LZNK juga membantu pihak hospital seluruh negeri Kedah dengan menyalurkan bantuan makanan, *Personal Protective Equipment* (PPE), perbelanjaan rawatan perubatan bagi pesakit di hospital yang mencecah ratusan ribu.

“Kita juga menyalurkan bantuan kepada pihak unit kebajikan hospital, kolej kejurawatan bagi tajaan makanan dan pakaian PPE termasuk fask mask. Kita juga telah salurkan bantuan ke Hospital Sultanah Bahiyah dan Hospital Kulim Kedah. Kos penghantaran bekalan makanan ke Langkawi mencecah RM 288 ribu”.- (Pegawai LZNK 3)

LZNK juga menyalurkan bantuan dan agihan kepada pusat tahfiz yang memerlukan bantuan kerana kebanyakan pelajar pusat tahfiz tidak dapat keluar dan telah terkurung semasa tempoh PKP.

“..kita bagi bantuan kepada pondok dan juga tahfiz yang tidak dibenarkan untuk keluar”. - (Pegawai LZNK 3)

Bantuan juga disalurkan kepada anak-anak Kedah di luar negara di mana ibu bapa mereka kebanyakan terputus bekalan makanan dan pendapatan. Maklumat ini telah dinyatakan oleh pegawai LZNK ketika temu bual seperti berikut:

“Seterusnya bantuan kepada anak-anak Kedah di luar negara, mak ayah mereka terputus makanan atau terputus pendapatan. Manakala semasa dalam tempoh PKP kedua, LZNK juga menyediakan bantuan alatan pembelajaran seperti telefon pintar sebagai usaha meningkatkan keefisienan pembelajaran *online* kepada golongan asnaf. Selepas PKP 1.0, kita mewujudkan infaq telefon pintar”. - (Pegawai LZNK 3)

Justeru, LZNK telah berjaya melaksanakan tugas sebagai pusat agihan bantuan kepada asnaf dan golongan yang memerlukan dengan efisien dan cekap sepanjang tempoh PKP.

iii) Mengenalpasti maklumat asnaf

LZNK mendapat maklumat asnaf melalui permohonan di laman web [asnafcare.com.my](https://www.asnafcare.com.my) dan bekerjasama dengan beberapa pihak seperti masjid, ketua kampung serta pihak hospital untuk mengenal pasti maklumat asnaf dan golongan yang memerlukan. Berikut adalah maklumat hasil temu bual pegawai LZNK:

“.. dalam pengagihan tu, kita salurkan kepada imam atau penolong amil yang dilantik melalui masjid, kita juga salurkan bantuan bagi kos rawatan pesakit melalui unit kebajikan”. - (Pegawai LZNK 3)

Justeru, dengan mengadakan hubungan dan kerjasama yang baik ini, pihak LZNK tidak mengalami sebarang masalah ketika mengenal pasti asnaf dan golongan yang memerlukan sepanjang tempoh PKP.

iv) Hebahan, Promosi dan Publisiti

Pihak LZNK menggunakan beberapa kaedah media ketika pandemik COVID 19 antara laman web <https://www.zakatkedah.com.my/>, laman web [asnafcare.com.my](https://www.asnafcare.com.my) dan *WhatsApp*. Kenyataan di bawah merupakan penjelasan yang dibuat oleh pegawai LZNK berkenaan hebahan, promosi dan publisiti yang dilaksanakan seperti berikut:

“Kita membuat hebahan melalui media. Okay, kalau yang dari segi sosial media ni ada dua. Satu iaitu laman sesawang, yang pertama sekali. Yang kedua ialah hebahan *Whatsapp*, yang tu yang cepat”. - (Pegawai LZNK 3)

Selain itu, saluran media sosial terkini seperti Facebook dan Instagram telah digunakan. Ini kerana majoriti masyarakat mempunyai akaun sosial Facebook, Instagram dan Tiktok untuk mendapatkan maklumat terkini. Ianya bertepatan dengan kenyataan oleh pegawai LZNK seperti berikut:

“Kita juga menggunakan Facebook. Kalau segi Facebook ni sebab dia waktu live tu adalah walaupun tak mencapai bilangan yang kita sasarkan tapi sekurang- kurangnya target kita untuk Facebook lebih kepada untuk golongan-golongan 30an ke atas la. Jadi kalau *whatsapp* ni, yang muda sampai ke tua pakai *whatsapp* dan juga kalau target untuk golongan remaja, untuk golongan remaja sahaja kita ada *instagram* dan yang terbaru ni kita p kepada *tiktok* lah. Jadi ada banyak medium-medium yang kita guna pakai tapi pada ketika ini kita aktif kepada Facebook dan juga *WhatsApp* sebagai bahan untuk aktiviti-aktiviti kita”. - (Pegawai LZNK 3)

Justeru, LZNK mendapat banyak kelebihan menggunakan aplikasi media sosial terkini dalam menghebahkan aktiviti LZNK dari aspek kutipan dan agihan ke negeri di seluruh Malaysia.

Perbincangan Dan Kesimpulan

LZNK memainkan peranan melalui program tabung “*Asnaf Care*”. Tujuan utama mewujudkan tabung “*Asnaf Care*” ini adalah untuk membantu golongan yang memerlukan ketika COVID 19 kerana kutipan zakat yang sedia ada tidak mampu menampung jumlah agihan kepada golongan yang memerlukan. LZNK juga mendapati hasil daripada laporan melalui rekod kutipan LZNK sehingga 26 Mac 2020 telah menunjukkan defisit berbanding agihan yang telah dibuat iaitu sebanyak

hampir RM 8 juta. Melalui penubuhan tabung “*Asnaf Care*” kadar defisit ini telah dapat diatasi walaupun tidak secara keseluruhannya, namun ia dapat membantu pihak LZNK menyalurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan.

Melalui “*Asnaf Care*” ini LZNK memainkan peranan utama dalam mengenal pasti asnaf yang memerlukan bantuan, melaksanakan kutipan, pengagihan dan hebahan. Maklumat asnaf dan golongan yang memerlukan bantuan diperoleh melalui permohonan yang dibuat oleh asnaf sendiri, pihak masjid, penolong amil zakat serta pihak ketua kampung sekitar.

Peranan kedua LZNK adalah dari aspek kutipan secara *online* yang terus disalurkan ke akaun *asnaf Care*. Cara ini lebih memudahkan pihak yang ingin menderma kerana sistem *online* terbukti efisien dan cekap kerana wang tersebut akan terus masuk ke akaun pihak LZNK. Justeru, ini dapat memudahkan pihak LZNK untuk mengemas kini jumlah terkini kutipan yang diperoleh sepanjang tempoh PKP.

Peranan LZNK seterusnya ialah mengagihkan bantuan “*Asnaf Care*” meliputi bantuan barangan dapur, bantuan makanan, wang elaun, peralatan PPE, pelitup muka, kos perubatan serta lain-lain bantuan ketika pandemik COVID 19. Sehubungan dengan ini, hebahan dan promosi kutipan dan agihan yang lebih pantas dan berkesan dilaksanakan melalui media massa, media elektronik dan media sosial. Peranan media tidak dapat dipertikaikan dalam menyalurkan maklumat yang cepat dan tepat kepada seluruh masyarakat negeri Kedah khususnya dan Malaysia umumnya. Justeru dengan mewujudkan tabung “*Asnaf Care*” ini telah banyak memberi manfaat kepada seluruh warga negeri Kedah dan bukan Kedah dalam tempoh pandemik COVID 19 yang melanda Malaysia.

Maka, kejayaan LZNK melalui tabung “*Asnaf Care*” tidak boleh dipertikaikan kerana segala aktiviti yang berkaitan kutipan dan agihan telah dinyatakan dengan efisien dan telus. Justeru, peranan institusi zakat negeri dilihat sebagai pengantara yang menghubungkan golongan yang berkemampuan dengan golongan asnaf sebagai satu bentuk hubungan kemanusiaan seterusnya dapat menjamin keharmonian ummah.

Penghargaan

Kumpulan penyelidik merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Universiti Utara Malaysia di atas Geran Khas yang telah dianugerahkan.

Rujukan

Abdullah Ibrahim. (1999, Mei 17). *Agihan zakat menurut prinsip siasah shariyyah*. [Kertas Kerja Kolokium]. Kolokium Keberkesanan Zakat Negeri Selangor, Shah Alam.

Abdul-Wahab, Mohamed et al., (1995). “Malaysia” (A Case study of Zakah Management), In el-Ashker and Sirajul Haq (eds.), *Institutional Framework of Zakah: Dimensions and Implications* (pp. 297-378). Islamic Research And Training Institute.

Corbin, J. & Strauss, A. (2015). *Basics of Qualitative Research: Techniques and Procedure for Developing Grounded Theory*, 4th ed. SAGE Publications.

Economic Planning Unit. (2017). *Sustainable Development Goals*. <https://www.epu.gov.my/en/sustainable-development-goals>

Lembaga Zakat Negeri Kedah. (2020). *LZNK Agih Bekalan Makanan Tambahan Kepada Semua Pusat Bekalan Makanan Fakir Miskin Zakat Kedah Sempena Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Covid-19*. <http://www.zakatkedah.com.my>

Qaradawi, Yusuf, (2000), *Fiqh al-Zakah, Vol II. English Translation by Monzer Kahf, Jeddah*. Scientific Publishing Centre, King Abdul Aziz University.

Md Zyadi Tahir & Mariani Majid (1999). *Prestasi kutipan dan agihan zakat di Malaysia*. Pascasidang Seminar Pengeluaran Awam dan Swasta: Justifikasi dan Realiti di Malaysia. Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 293-306.

Mohamed Dahan Abdul Latif (1998). *Zakat Management and Administration in Malaysia*. [Kertas kerja Seminar] Seminar of Zakat and Taxation, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Patton, M. Q. (2015). *Qualitative Research & Evaluation Theory Methods: Integrating Theory and Practice*. SAGE Publications.

Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid & Adnan Mohamad. (2006). Penswastaan Institusi Zakat dan Kesannya Terhadap Pembayaran Secara Formal di Malaysia. *International Journal of Management Studies*, 13 (2), 175-196.

Syukri Salleh (2006). *Lokalisasi Pengagihan Zakat: satu Cadangan Teoritis*. Dalam Hailani & Abdul Ghafar

(penyt). Zakat: Pensyariatan, Perekonomian & Perundangan. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zayas, F.G. (2003), *The Law and Institution of Zakat*.
A. Z. Abbasi (terj.). The Other Press.